



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)

ASAS 3M

TAHUN SATU

DOKUMEN STANDARD
**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS**
MASALAH PEMBELAJARAN

ASAS 3M
TAHUN SATU



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Asas 3M : (masalah pembelajaran). Tahun satu

(Kurikulum standard sekolah pendidikan khas)

ISBN 978-967-0359-42-7

1. Learning disabled children--Education (Elementary)--Curricula

2. Children with disabilities--Education--Malaysia.

I. Malaysia. Kementerian Pelajaran. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

II. Siri.

371.90472

Dicetak oleh:

Sepantas Kurnia (M) Sdn. Bhd

No. 50, Jalan Seri Aman, Taman Seri Aman,
Batu 8, 43200, Cheras, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 -9074 3009. Faks : 603 -9080 4049

E-Mail : sepantaskrn@yahoo.com

KANDUNGAN

MUKA SURAT

RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	1
OBJEKTIF	1
STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG	2
KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD	3
FOKUS MATA PELAJARAN	3
PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	4
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU	5
PENTAKSIRAN	5
STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KOMPONEN BAHASA MALAYSIA	8
STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KOMPONEN BAHASA INGGERIS	14
STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KOMPONEN MATEMATIK	30



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, tidak terlalu menekankan akademik dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu, proses pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran dibentuk secara fleksibel dan ini bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan “ *guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas*”.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina dengan hasrat pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat

diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungsi murid. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

OBJEKTIF

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bertujuan membimbing murid agar berupaya;

- i. mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna
- ii. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian


- iii. memperoleh kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan berkerjaya
- iv. mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna
- v. menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk
- vi. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam
- vii. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
- viii. melibatkan diri dalam aktiviti riadah
- ix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya
- x. menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa

STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dibina bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Perkembangan Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Rajah 1: Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Kandungan

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.

FOKUS MATA PELAJARAN

Mata Pelajaran : Asas 3M

Komponen : Bahasa Malaysia

Komponen Bahasa Malaysia merangkumi kemahiran:

- i. Mendengar dan memberi respon kepada pelbagai sumber
- ii. Bertutur dengan sebutan yang betul dan bertatasusila
- iii. Membaca dan memahami isi bacaan yang sesuai mengikut perkembangan dan kebolehan murid
- iv. Menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul
- v. Melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, permainan, penulisan untuk menjalin dan mengeratkan hubungan
- vi. Berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan

Komponen : Bahasa Inggeris

Komponen Bahasa Inggeris merangkumi kemahiran:

- i. Mendengar, mengulang dan memahami bahasa pertuturan yang mudah
- ii. Bertutur dan memberikan respon secara jelas mengikut situasi
- iii. Membaca dan memahami mesej yang ringkas
- iv. Menulis maklumat menggunakan bahasa yang mudah

- v. Menggunakan kemahiran berbahasa di dalam kehidupan harian

Komponen : Matematik

Komponen Matematik merangkumi kemahiran:

- i. Mengetahui dan memahami konsep nombor
- ii. Menguasai dan mengaplikasikan kemahiran tambah dan tolak
- iii. Mengenali bentuk-bentuk asas dan ciri-cirinya yang terdapat di alam sekeliling
- iv. Menguasai kemahiran penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian

Pelaksanaan Modul Asas 3M

Modul Pengajaran Asas 3M

Modul pengajaran disediakan berpandu kepada Standard Kurikulum Asas 3M bagi membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan. Guru boleh mengubahsuai atau membina perancangan pengajaran yang sesuai mengikut keperluan. Penglibatan murid secara aktif dapat meningkatkan pencapaian prestasi murid.

Modul Pembelajaran Asas 3M

Modul Pembelajaran Asas 3M disediakan untuk kegunaan murid. Modul ini mengandungi lembaran kerja untuk tujuan latihan, menguji kefahaman dan penguasaan murid tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dikenal pasti.

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Asas 3M, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

Antaranya adalah:

- Inkuiri
- Analisis Tugas
- Belajar Melalui Bermain
- Pengajaran Bertema
- Pendekatan Kolaborasi (kumpulan pelbagai disiplin)
- Konstruktivisme
- Multi Sensori
- Pembelajaran Kontekstual
- Pembelajaran Interaktif
- Pembelajaran Koperatif
- Simulasi

- Pembelajaran Masteri
- Pembelajaran Pengalaman (*experiential learning*)

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Definisi Rancangan Pendidikan Individu:

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu dokumen bertulis yang menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang dirancang untuk setiap murid berkeperluan khas dan dijadikan panduan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyatakan tahap pencapaian murid.

(Buku Panduan Rancangan Pendidikan (RPI) Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas, 2000)

RPI ialah suatu program pengajaran berasaskan penilaian pelbagai disiplin yang disediakan bagi memenuhi keperluan murid pendidikan khas. RPI dirancang khusus bagi individu murid, dan dokumentasi dilakukan tentang segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran dan perkhidmatan yang disediakan. Justeru, RPI memaklumkan ibubapa dan pihak sekolah tentang keperluan individu murid dan bagaimana keperluan tersebut dirancang untuk dipenuhi. Bagi mencapai tujuan tersebut, perlu ada kerjasama dan kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa,

dan murid itu sendiri, dengan dibantu oleh pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

RPI memperincikan antara lain:

- Tahap prestasi sedia ada murid
- Perancangan akademik dan bukan akademik
- Matlamat pendidikan tahunan yang boleh dicapai murid
- Objektif pendidikan yang boleh diukur
- Objektif, prosedur dan urutan pentaksiran bagi mengenalpasti perkembangan dalam pencapaian
- Perkhidmatan yang diperlukan oleh murid
- Perancangan, jangkamasa dan tarikh sesuatu perkhidmatan dapat disediakan untuk murid, dan
- Perancangan dan persediaan bagi membantu dan membimbing murid berinteraksi dengan persekitaran mereka.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran di bilik darjah penting bagi mengetahui tahap penguasaan dan pemahaman murid tentang apa yang telah dipelajari. Pentaksiran boleh dijalankan secara formatif dan sumatif. Maklumat yang diperoleh akan membantu guru untuk

menambah baik kaedah pengajaran dan hasil pentaksiran di bilik darjah juga dapat memberi maklum balas awal kepada guru untuk merancang tindakan susulan dan penyediaan RPI bagi meningkatkan lagi penguasaan dan pemahaman murid. Antara kaedah pentaksiran dalam bilik darjah yang boleh dijalankan termasuk:

- i. **Pemerhatian** : Kaedah ini sesuai untuk menilai individu dari aspek kemahiran, sikap dan nilai murni. Pentaksiran secara pemerhatian hendaklah disertakan dengan senarai semak.
- ii. **Ujian/ Kuiz** : Ujian boleh dijalankan dalam bentuk kertas pensel atau lisan. Ujian kertas pensel boleh disediakan dalam bentuk soalan objektif atau subjektif manakala kuiz boleh dijalankan dalam bentuk lisan.
- iii. **Persembahan secara lisan** : Persembahan secara lisan adalah penting untuk menilai kemahiran bertutur, keyakinan diri dan pengetahuan murid tentang konten yang dipelajari.
- iv. **Senarai semak** : Senarai semak merupakan laporan individu tentang penguasaan pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai murni.
- v. **Folio** : Folio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Contoh folio adalah buku skrap dan laporan.

- vi. **Esei** : Esei mempamerkan tentang kemahiran murid untuk menyampaikan maklumat secara saintifik.

KOMPONEN BAHASA MALAYSIA

KOMPONEN BAHASA MALAYSIA

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>LISAN</p> <p>1. Kemahiran Mendengar</p>	<p>1.1 Mendengar dan bergerakbalas terhadap pelbagai bunyi</p> <p>1.2 Memberi perhatian kepada bunyi yang didengar</p> <p>1.3 Mengenal pasti bunyi yang didengar</p> <p>1.4 Melafazkan ucapan bertatasusila</p> <p>1.5 Mendiskriminasikan bunyi</p>	<p>1.1.1 Mendengar dan bergerakbalas terhadap suara manusia</p> <p>1.1.2 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi haiwan</p> <p>1.1.3 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi kenderaan/ benda</p> <p>1.1.4 Mendengar dan bergerakbalas terhadap bunyi alam semulajadi</p> <p>1.2.1 Mengecam suara manusia</p> <p>1.2.2 Mengecam bunyi haiwan</p> <p>1.2.3 Mengecam bunyi kenderaan/benda</p> <p>1.2.4 Mengecam bunyi alam semula jadi</p> <p>1.3.1 Memberi tindak balas arah bunyi yang didengar</p> <p>1.3.2 Membezakan bunyi yang didengar</p> <p>1.4.1 Mendengar dan bertindak balas terhadap pengucapan bertatasusila</p> <p>1.5.1 Mengecam bunyi bukan bahasa</p> <p>1.5.2 Mengenal bunyi bahasa (huruf a hingga z)</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
BERTUTUR 2. Kemahiran Bertutur	2.1 Prapertuturan 2.2 Mengajuk bunyi 2.3 Melafazkan ucapan bertatasusila 2.4 Menghasilkan bunyi bukan bahasa	2.1.1 Meniup wisel, bulu ayam dan tisu 2.1.2 Membuat mimik muka 2.1.3 Membuat latihan artikulasi 2.2.1 Mengajuk bunyi manusia 2.2.2 Mengajuk bunyi haiwan 2.2.3 Mengajuk bunyi alam semula jadi 2.3.1 Mengajuk ucapan bertatasusila 2.3.1.1 Selamat Pagi 2.3.1.2 Terima Kasih 2.3.1.3 Selamat Pulang 2.3.2 Menyebut ucapan bertatasusila 2.3.2.1 Selamat Pagi 2.3.2.2 Terima Kasih 2.3.2.3 Selamat Pulang 2.4.1 Menjerit dengan nada kuat dan perlahan

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	2.5 Menghasilkan bunyi bahasa	2.4.2 Ketawa dengan nada kuat dan perlahan 2.4.3 Menghasilkan bunyi bebelan 2.5.1 Mengajuk bunyi huruf (vokal, konsonan) 2.5.2 Mengajuk bunyi suku kata KV
BACAAN 3. Prabacaan	3.1 Mengenal persamaan objek, huruf dan suku kata 3.2 Mengenal perbezaan objek, huruf dan suku kata	3.1.1 Mengecam persamaan dari segi warna 3.1.2 Mengecam persamaan dari segi bentuk 3.1.3. Mengecam persamaan dari segi saiz 3.1.4 Mengecam persamaan dari segi pengamatan 3.2.1 Mengecam perbezaan dari segi warna 3.2.2 Mengecam perbezaan dari dari segi bentuk 3.2.3 Mengecam perbezaan dari segi saiz 3.2.4 Mengecam perbezaan dari segi pengamatan
4. Kemahiran Membaca	4.1 Menyebut huruf	4.1.1 Menyebut huruf a hingga z 4.1.2 Menama dan membunyikan huruf vokal

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	4.2 Membunyikan suku kata	4.2.1 Membunyikan suku kata KV
TULISAN 5. Pratulisan	5.1 Menggerakkan jari tanpa alatan 5.2 Menggerakkan jari dengan alatan 5.3 Mengkoordinasi mata tangan 5.4 Menggunakan pensel	5.1.1 Menggerakkan jari secara bebas 5.1.2 Mengerakkan jari secara terkawal – contoh “mazing” 5.2.1 Memegang pensel dengan cara yang betul 5.2.2 Melukis pelbagai bentuk secara terkawal dengan pensel 5.3.1 Membuat pergerakan tangan secara terkawal 5.3.2 Membuat pergerakan tangan dengan menggunakan pensel secara terkawal 5.4.1 Menyambung titik-titik 5.4.2 Menekap gambar 5.4.3 Membuat “mazing” 5.4.4 Menyurih bentuk yang disediakan

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
6. Kemahiran Menulis	6.1 Menulis huruf 6.2 Menulis suku kata	6.1.1 Menulis huruf besar A hingga Z 6.1.2 Menulis huruf kecil a hingga z 6.2.1 Menulis suku kata KV
KOMUNIKASI 7. Kemahiran Komunikasi	7.1 Bercerita tentang diri dan keluarga	7.1.1 Bercerita tentang diri sendiri i. Nama ii. Umur 7.1.2 Bercerita tentang keluarga i. Nama ahli keluarga

KOMPONEN BAHASA INGGERIS

KOMPONEN BAHASA INGGERIS

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
1. Greetings and Social Expressions	Listening and Speaking 1.1 Appropriate expression in social situations	1.1.1 Able to express simple greetings i. Good morning ii. Good afternoon iii. Good evening iv. Good night
	Reading 1.2 Recognise and read words	1.2.1 Able to read words of greetings i. Good morning ii. Good afternoon iii. Good evening iv. Good night
	Writing 1.3 To form letters and words in neat legible print	1.3.1 Able to trace words pertaining to greetings i. Good morning ii. Good afternoon iii. Good evening iv. Good night

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
2. Personal Details	Listening and Speaking 2.1 Self introduction	2.1.1 Able to talk about oneself i. nickname
	Reading 2.2 Recognise and read words	2.2.1 Able to read and state nickname
	Writing 2.3 To form letters and words in neat legible print	2.3.1 Able to trace nickname
3. Family Members	Listening and Speaking 3.1 Recognise members of basic family	3.1.1 Able to identify basic family members i. father ii. mother iii. brother iv. sister 3.1.2 Able to name basic family members i. father ii. mother iii. brother

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
		iv. sister
	Reading 3.2 Recognise and read words	3.2.1 Able to read and state words of basic family members i. father ii. mother iii. brother iv. sister
	Writing 3.3 To form letters and words in neat legible print	3.3.1 Able to trace words pertaining to basic family members i. father ii. mother iii. brother iv. sister
4. Things In The Classroom	Listening and Speaking 4.1 Recognise things in the classroom	4.1.1 Able to identify things in the classroom

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
		i. bag ii. book
	Reading 4.2 Recognise and read words	4.2.1 Able to read words pertaining to things in the classroom i. bag ii. book
	Writing 4.3 To form letters and words in neat legible print	4.3.1 Able to trace words of things in the classroom i. bag ii. book
5. Places In The School	Listening and Speaking 5.1 Recognise various places in the school	5.1.1 Able to identify various places in the school i. classroom ii. toilet

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
	<p>Reading</p> <p>5.2 Recognise and read words of various places in the school</p>	<p>5.2.1 Able to read words of places in the school</p> <ul style="list-style-type: none"> i. classroom ii. toilet
	<p>Writing</p> <p>5.3 To form letters and words in neat legible print</p>	<p>5.3.1 Able to trace words of places in the school</p> <ul style="list-style-type: none"> i. classroom ii. toilet
6. Colours	<p>Listening and Speaking</p> <p>6.1 Name and differentiate colours</p>	<p>6.1.1 Able to identify colours</p> <ul style="list-style-type: none"> i. black ii. white
	<p>Reading</p> <p>6.2 Recognise and read words</p>	<p>6.2.1 Able to read words of various colours</p> <ul style="list-style-type: none"> i. black

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
		ii. white 6.3.1 Able to trace words of various colours i. black ii. white
7. Numbers	Listening and Speaking 7.1 Recognise numerals from 1 to 10	7.1.1 Able to identify numbers from 1 to 10
	Reading 7.2 Recognise and read words	7.2.1 Able to read words of numerals within 1 to 10
	Writing 7.3 To form letters and words in neat legible print	7.3.1 Able to trace numbers in word form

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
8. Things At Home	Listening and Speaking 8.1 Recognise home	8.1.1 Able to identify places at home i. living room ii. kitchen iii. bedroom iv. bathroom
	Reading 8.2 Recognise and read words	8.2.1 Able to read words of places at home i. living room ii. kitchen iii. bedroom iv. bathroom
	Writing 8.3 To form letters and words in neat legible print	8.3.1 Able to trace words of places at home i. living room ii. kitchen iii. bedroom iv. bathroom

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
9. Parts Of The Body	Listening and Speaking 9.1 Recognise body parts	9.1.1 Able to identify parts of the head i. face 9.1.2 Able to identify parts of the limbs i. arms ii. legs
	Reading 9.2 Recognise and read words	9.2.1 Able to read word parts of the head i. face 9.2.2 Able to read word parts of the limbs i. arms ii. legs
	Writing 9.3 To form letters and words in neat legible print	9.3.1 Able to trace word parts of the head i. face 9.3.2 Able to trace word parts of the limbs i. arms ii. legs

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
10. Clothing	Listening and Speaking 10.1 Recognise different kinds of clothing	10.1.1 Able to identify different kinds of clothing i. shirt ii. trousers
	Reading 10.2 Recognise and read words	10.2.1 Able to read words of clothing i. shirt ii. trousers
	Writing 10.3 To form letters and words in neat legible print	10.3.1 Able to trace word of clothing i. shirt ii. trousers
11. Food	Listening and Speaking 11.1 Recognise and differentiate food and drinks	11.1.1 Able to identify food 11.1.2 Able to identify drinks

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
	Reading 11.2 Recognise and read words	11.2.1 Able to read words of food 11.2.2 Able to read words of drinks
	Writing 11.3 To form letters and words in neat legible print	11.3.1 Able to trace words of food 11.3.2 Able to trace words of drinks
12. Fruits and Vegetables	Listening and Speaking 12.1 Recognise and differentiate fruits and vegetables	12.1.1 Able to identify fruits 12.1.2 Able to identify vegetables
	Reading 12.2 Recognise and read words	12.2.1 Able to read words of fruits 12.2.2 Able to read words of vegetables
	Writing 12.3 To form letters and words in neat legible print	12.3.1 Able to trace words of fruits

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
		12.3.2 Able to trace words of vegetables
13. Plants	Listening and Speaking 13.1 Recognise and differentiate types of plants	13.1.1 Able to identify different category of plants i. flower ii. tree
	Reading 13.2 Recognise and read words	13.2.1 Able to read word of different category of plants i. flower ii. tree
	Writing 13.3 To form letters and words in neat legible print	13.3.1 Able to trace words of different category of plants i. flower ii. tree

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
14. Animals	Listening and Speaking 14.1 Recognise animals	14.1.1 Able to identify various types of animals i. tame animals ii. wild animals
	Reading 14.2 Recognise and read words	14.2.1 Able to read words of various types of animals i. tame animals ii. wild animals
	Writing 14.3 To form letters and words in neat legible print	14.3.1 Able to trace words of various types of animals i. tame animals ii. wild animals
15. Occupation	Listening and Speaking 15.1 Recognise different types of occupation	15.1.1 Able to identify occupation i. teacher

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
		ii. doctor
	Reading 15.2 Recognise and read words	15.2.1 Able to read words of occupation i. teacher ii. doctor
	Writing 15.3 To form letters and words in neat legible print	15.3.1 Able to trace words of occupation i. teacher ii. doctor
16. Transportation	Listening and Speaking 16.1 Recognise different modes of transportation	16.1.1 Able to identify land transportation i. car ii. motorcycle iii. bicycle iv. bus

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
	<p>Reading</p> <p>16.2 Recognise and read words</p>	<p>16.2.1 Able to read words of land transportation</p> <ul style="list-style-type: none"> i. car ii. motorcycle iii. bicycle iv. bus
	<p>Writing</p> <p>16.3 To form letters and words in neat legible print</p>	<p>16.3.1 Able to trace words of land transportation</p> <ul style="list-style-type: none"> i. car ii. motorcycle iii. bicycle iv. bus
17. Calendar and time	<p>Listening and Speaking</p> <p>17.1 Recognise days in a week</p>	<p>17.1.1 Able to identify days in a week</p>
	<p>Reading</p> <p>17.2 Recognise and read words</p>	<p>17.2.1 Able to read words of days in a week</p>

TOPIC	CONTENT STANDARDS	LEARNING STANDARDS
	Writing 17.3 To form letters and words in neat legible print	17.3.1 Able to trace words of days in a week

KOMPONEN MATEMATIK

KOMPONEN MATEMATIK

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1. Pranombor	<p>1.1 Mengklasifikasikan objek mengikut warna</p> <p>1.2 Mengklasifikasikan objek mengikut bentuk</p> <p>1.3 Mengklasifikasikan objek mengikut saiz</p>	<p>1.1.1 Mengasingkan objek mengikut warna asas (merah, biru, kuning)</p> <p>1.1.2 Menyebut warna asas dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.1.3 Menyebut warna asas dengan menggunakan gambar</p> <p>1.1.4 Menamakan warna asas dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.1.5 Menamakan warna asas dengan menggunakan gambar</p> <p>1.2.1 Mengasingkan objek mengikut bentuk asas (bulat, segi empat, segi tiga)</p> <p>1.2.2 Menyebut bentuk asas dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.2.3 Menyebut bentuk asas dengan menggunakan gambar</p> <p>1.2.4 Menamakan bentuk asas dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.2.5 Menamakan bentuk asas dengan menggunakan gambar</p> <p>1.3.1 Mengasingkan objek mengikut saiz (kecil, besar)</p> <p>1.3.2 Menyebut saiz dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.3.3 Menyebut saiz dengan menggunakan gambar</p> <p>1.3.4 Menamakan saiz dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>1.3.5 Menamakan saiz dengan menggunakan gambar</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2. Nombor bulat dalam lingkungan 10	<p>2.1 Menamakan nombor 1 hingga 9</p> <p>2.2 Menamakan nombor 0 dan 10</p> <p>2.3 Membilang nombor 0 hingga 10</p> <p>2.4 Menentukan nilai nombor</p> <p>2.5 Menulis nombor 0 hingga 10</p>	<p>2.1.1 Menyebut nombor dalam lingkungan 1 hingga 9</p> <p>2.1.2 Mengenal simbol nombor dalam lingkungan 1 hingga 9</p> <p>2.1.3 Menamakan nombor dalam lingkungan 1 hingga 9</p> <p>2.2.1 Menyebut nombor 0 dan 10</p> <p>2.2.2 Mengenal nombor 0 dan 10</p> <p>2.2.3 Menamakan nombor 0 dan 10</p> <p>2.3.1 Membilang objek dalam kumpulan</p> <p>2.3.2 Membilang nombor 0 hingga 10 mengikut urutan menaik</p> <p>2.3.3 Menyusun nombor 0 hingga 10 mengikut urutan menaik</p> <p>2.3.4 Membilang nombor 0 hingga 10 mengikut urutan menurun</p> <p>2.3.5 Menyusun nombor 0 hingga 10 mengikut urutan menurun</p> <p>2.3.6 Menyusun rangkaian nombor 0 hingga 10</p> <p>2.4.1 Menentukan nilai nombor dengan kuantiti</p> <p>2.5.1 Membuat lakaran nombor 0 hingga 10 di atas pasir</p> <p>2.5.2 Menyurih bentuk nombor 0 hingga 10 di atas kertas pasir</p> <p>2.5.3 Menekap bentuk nombor 0 hingga 10 di atas nombor yang telah</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	2.6 Menggunakan nombor dalam kehidupan harian	<p>disediakan</p> <p>2.5.4 Menulis nombor 0 hingga 10 dengan cara yang betul</p> <p>2.6.1 Menyebut nombor di persekitaran</p>
3. Operasi tambah dalam lingkungan 10	<p>3.1 Menguasai konsep tambah</p> <p>3.2 Menambah sebarang dua nombor</p>	<p>3.1.1 Menyatukan dua kumpulan benda</p> <p>3.1.2 Menambah dengan membilang semua</p> <p>3.2.1 Menambah sebarang dua nombor dengan menggunakan objek sebenar</p> <p>3.2.2 Menambah sebarang dua nombor dengan menggunakan gambar</p>
4. Operasi tolak dalam lingkungan 10	<p>4.1 Menguasai konsep tolak</p> <p>4.2 Menolak sebarang dua nombor</p>	<p>4.1.1 Mengurangkan benda dalam kumpulan</p> <p>4.1.2 Menolak dengan mencari perbezaan</p> <p>4.2.1 Menolak sebarang dua nombor 0 hingga 10 dengan menggunakan objek sebenar</p>

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
		4.2.2 Menolak sebarang dua nombor 0 hingga 10 dengan menggunakan gambar
5. Wang	5.1 Mengenal mata wang Malaysia	5.1.1 Mengenal wang syiling 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen 5.1.2 Menamakan wang syiling 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen
6. Masa dan Waktu	6.1 Menentukan konsep waktu 6.2 Mengenal konsep hari	6.1.1 Menyatakan waktu dalam satu hari (pagi, tengah hari, petang dan malam) 6.1.2 Menamakan waktu dalam satu hari berdasarkan gambar 6.2.1 Menyatakan hari dalam seminggu. (Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad)

Terbitan:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

ISBN 978-967-03-5942-7



9 789670 3594 7